

# KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: BERITA HARIAN (NASIONAL)

TARIKH: 21 JANUARI 2020

MUKA SURAT: 16

## Malaysia bukan tong sampah dunia negara maju

150 kontena dengan 3,737 tan sisa pepejal plastik dihantar pulang

Oleh Siti Sofia Md Nasir  
siti.sofia@bh.com.my


**Butterworth:** Malaysia menghantar pulang 150 kontena sisa pepejal plastik dengan anggaran 3,737 tan ke negara asal pengeksport sejak suku ketiga tahun lalu.

Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Yeo Bee Yin, berkata tindakan penghantaran balik kontena terbabit ke negara yang kebanyakan terdiri daripada negara maju itu tidak membabitkan sebarang implikasi kos kewangan kepada kerajaan.

Beliau berkata, semua kontena itu dihantar melalui tiga pelabuhan utama negara iaitu Pelabuhan Barat dan Utara Klang, Pulau Pinang, dan Sarawak.

"Kos penghantaran balik kontena sisa pepejal plastik ini ditanggung oleh pihak pengimport atau syarikat perkapalan dan ini kali pertama dalam sejarah negara ia dihantar balik secara skala besar.

"Kerajaan memandang serius terhadap isu kemasukan sisa plastik haram ke negara ini dan akan mengambil tindakan sewajarnya bagi memastikan Mala-



Bee Yin melihat cara pengendalian dan proses penghantaran semula kontena sisa pepejal plastik ke negara asal di NBCT, Butterworth, semalam. (Foto BERNAMA)

ysia tidak menjadi tong sampah dunia," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Terdahulu, Bee Yin melihat cara pengendalian dan proses penghantaran semula kontena sisa pepejal plastik ke negara asal di Pelabuhan Terminal Kontena Utara Butterworth (NBCT), di sini.

Yang turut hadir, Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS), Norlin Jaafar; dan EXCO Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar negeri, Phee Boon Poh.

150 kontena sisa pepejal itu adalah membabitkan 40 kontena pengeksport dari Perancis (40), United Kingdom (UK) (42), Amerika Syarikat (AS) (17), Kanada (11), Sepanyol (10), dan Hong

Kong dengan sembilan kontena.

Ia diikuti dengan lima kontena dari Jepun, Singapura (empat), Portugal (tiga), China (tiga), dan Bangladesh, Sri Lanka serta Lithuania masing-masing dengan satu kontena.

Mengulas lanjut, Bee Yin berkata, dianggarkan sebanyak 110 kontena sisa pepejal plastik lagi akan dihantar pulang ke negara pengeksport, sekurang-kurangnya sebelum pertengahan tahun ini.

Katanya, daripada jumlah itu, 60 kontena adalah daripada AS, Kanada (15), Jepun, (14), UK (sembilan), Belgium (lapan), dan lain-lain negara.

"Setakat ini kita tidak menerima sebarang penolakan dari-

pada negara-negara terbabit, semua memberi respon dan kerjasama dengan baik, namun ada yang memberi maklum balas cepat dan lambat," katanya.

Bee Yin berkata, kerajaan akan melancarkan Pelan Tindakan Kebangsaan Bagi Penguatkuasaan Sisa Plastik (HS 3915) pada bulan hadapan, bagi menyeragamkan prosedur aktiviti penguatkuasaan di lapangan oleh agensi-berkaitan.

Katanya, prosedur itu dijangka akan membabitkan JAS, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Jabatan Pengurusan Sisa dan Pepejal Negara (JPSPN), Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SW Corp), dan pihak berkuasa pelabuhan.